



ALLAHYARHAM Usman Awang (tengah) bersama A. Samad Said dan Dr. Mahathir.

Air mata dan puisi

Seorang tokoh

UM 31/10/2003 - 64 PRECISE

Oleh SITI ROHAYAH ATTAN

PADA 4 Mei 1996, dingin malam Sabtu itu akan tetap terpacu pada setiap jiwa yang berkunjung ke Auditorium Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC).

Tiada mata yang tidak berenang dan berjuraian air jernih tatkala pertama kali mendengar suara parau Dr. Mahathir Mohamad mendeklamasikan puisi ciptaannya.

Sebenarnya, Dr. Mahathir hanya mampu mengucapkan baris pertama puisi itu sebelum air matanya gugur dengan sendiri.

Bibir beliau bergetar, sendu yang tidak tertahan. Belum seminit berada di atas pentas, Dr. Mahathir tidak dapat meneruskan bacaan.

Beliau mencuba sedaya upaya, yang keluar adalah suara serak dan linangan air mata. Dalam masa yang sama flash kamera tidak henti-henti merakamkan detik bersejarah itu.

Beliau menggagahkan diri membaca baris pertama sajak itu, "Sungguhnya tidak ada yang lebih menyayat, dari melihat bangsaku dijajah."

Untuk meneruskan lagi, terasa amat lelah baginya. Tiba-tiba muncul isteri tercinta, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dari tengah dewan, Dr. Siti Hasmah melangkah mendapatkan Dr. Mahathir yang terkaku di pentas. Sesampai di pentas yang ketika itu turut berdiri di situ pengacara majlis, pelakon Aida Rahim, Dr. Siti Hasmah terus mengurut bahu suami tercinta dan membisikkan sesuatu.

Berlatarkan alat muzik celo yang dimainkan secara langsung, perlahan-lahan suara kepimpinan Dr. Mahathir kembali bergema, tetapi masih dalam nada yang cukup sayu. Air mata terus menitis. Di dewan juga, setiap mata berkilau air jernih.

Namun, peranan sebagai isteri, Dr. Siti Hasmah berjaya memberi kegagahan kepada Dr. Mahathir untuk meneruskan bacaan puisinya.

Itulah kali pertama Dr. Mahathir berpuisi di hadapan khalayak dan membacakan pula karyanya sendiri.

Malam Puisi Utusan Ke-4 anjuran Kumpulan Utusan tidak akan dilupakan begitu saja. Di situlah air mata Perdana Menteri Ke-4 tumpah kerana akibat takut dan bimbang terhadap masa depan negara serta bangsanya.

Ada sebab mengapa air mata seorang Mahathir gugur malam itu. Dr. Mahathir sebenarnya meluahkan gelodak dan ketakutan jiwanya sebagai anak Melayu yang lahir di bumi Malaysia.

Beliau melihat generasi muda Malaysia semakin dewasa dengan kemewahan tetapi dalam masa yang sama semakin menipis nilai patriotiknya. Justeru beliau mengingatkan, "Tugas kita bukan

kecil, kerana mengisgi kemerdekaan, rupanya lebih sukar dari bermandi keringat dan darah, bagi menuntunnya."

Tiada siapa boleh melupakan detik dan saat itu. Seluruh negara, menceritakan perihal Perjuangan Yang Belum Selesai. Bahangnya terasa hingga kini.

Perjuangan Yang Belum Selesai kemudiannya menjadi seperti menu yang tidak boleh ditinggalkan dalam mana-mana hidangan.

Puisi itu terus menjadi siulan anak muda sehingga dihasilkan dalam bentuk lagu dengan pelbagai versi. Peluang ini digunakan banyak insan seni termasuklah Ras Adiba Radzi

menghasilkan lagu dengan judul yang sama. Begitu juga menjadi idea untuk anak seni berkarya sebagaimana yang terhasilnya teater Belum Selesai... karya Zakaria Ariffin.

Memang pesanan menerusi genre puisi tidak terhenti setakat itu. Dr. Mahathir terus menulis lagi. Terus mendeklamasikan puisi ciptaannya sendiri.

Sekitar lima tahun selepas Perjuangan Yang Belum Selesai, beliau muncul dengan karya seterusnya, Melayu Mudah Lupa yang juga merupakan judul amanatnya sempena Perhimpunan Agung UMNO Ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Melayu Mudah Lupa yang dibacakan pada 22 Jun 2001 itu mengetengahkan tentang sikap bangsanya yang semakin lupa akibat kegagahan dalam bidang ekonomi dan politik. Sedangkan kedua-dua kehebatan ini jugalah yang akan memusnahkan mereka sekiranya mereka terus lupa.

Kali ini pemilihan kata-kata Dr. Mahathir tidak lagi berbentuk melonkolik sebagaimana Perjuangan Yang Belum Selesai.

Konsep historikal yang diketengahkan dalam puisi sulungnya seperti ditinggalkan. Melayu Mudah Lupa dimajoritikan dengan perulangan kata yang ringkas tetapi padat dan mengesankan;

Dulu bangsanya kelas dua

Melayu mudah lupa

Dulu bangsanya hina

Melayu mudah lupa

Dulu bangsanya sengheta

Melayu mudah lupa

Dulu bangsanya derita

Melayu mudah lupa.

Barangkali cuba disesuaikan dengan situasi, puisi ini semacam satu peringatan kepada bangsa Melayu yang kini menguasai politik tanah air.

Dan, di perhimpunan agung seperti itulah ruang terbaik untuk memberi amaran. Di situlah kesemua pemimpin politik daripada peringkat bahagian hinggalah ke Majlis Tertinggi berkumpul. Ketika Dr. Mahathir mendeklamasikan puisi tersebut dikatakan seramai 2,027 perwakilan berada di Dewan

Merdeka.

Pastinya, mesej itu bukan saja menjadi saksi pendengaran perwakilan di dewan tersebut malah seluruh masyarakat Malaysia yang menyaksikannya secara langsung melalui televisyen.

Puisi tersebut juga menjadi agenda menarik sebagaimana Perjuangan Yang Belum Selesai. Pada program Malam Deklamasi Angkasapuri 2001, RTM menyiarkan secara langsung program itu dan penyanyi Safura menyanyikannya.

Sekitar setahun selepas Melayu Mudah Lupa, di saat bangsanya masih teraba-raba mencari makna yang sesuai terhadap puisi itu, Dr. Mahathir memunculkan karya barunya, Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa. Dalam lautan manusia yang menyaksikan Pesta Puisi Patriotik Ke-3 di Putrajaya, malam 29 Ogos 2002 itu, sekali lagi Dr. Mahathir.

Puisi ini hampir menyamai amanat dalam Perjuangan Yang Belum Selesai tetapi ia lebih bersifat simbolik. Banyak metafora yang digunakan seperti 'tongkat', 'kail', 'api', 'lautan' dan sebagainya.

Metafora yang bersumberkan alam ini mengajak khalayak memahami maksud yang tersirat. Konotasi 'Gelombang' itu sendiri sudah cukup kukuh bagi menggambarkan gelora yang akan dihadapi masa dekad akan datang.

Meneruskan bakat kepenyairan, Perdana Menteri menghasilkan sebuah lagi puisi, Damainya Negeriku yang dibacakan pada Pesta Puisi Patriotik Ke-4 di Putrajaya pada 29 Ogos 2003.

Kali ini karya beliau melihat dan menjadikan suasana luar negara sebagai panduan. Dr. Mahathir melihat sengsara, luka, duka dan simbah negara di bumi lain.

Ini perlu dilakukan sebagai ingatan kepada masyarakat Malaysia bahawa mereka perlu berterima kasih dan berbangga dengan situasi negara yang aman. Begitu juga dengan kemewahan yang dikecapi hasil daripada keamanan politik, kehebatan ekonomi dan jalinan erat antar kaum.

"Kita memilih untuk berlari mengejar cahaya jika jatuh sekali pun kita tidak akan lagi menjadi bangsa dihina tidak lagi bangsa dan negeri tertindas dan dipijak".

Begitulah dunia puisi seorang Mahathir. Wawasan dan gagasannya tidak disembunyikan malah disuarakan secara perlahan tetapi tegas. Lembut tetapi terkesan.

Di sinilah dunia yang berbeza kerana puisi adalah luahan hati yang tidak terungkap dengan kata, sebaliknya diikat dengan deria rasa yang kukuh.

MENGHADAPI CABARAN: MENATANG BANGSA

Zaman baru pasti tiba
Pantas, mencabar dan tak terduga
nasib bangsa di mana?
Agama mana mercunya?
Tanah ini bakal milik siapa?
Sejarah pun tidak lagi dapat mengajar kita

Gelombang kali ini sulit dimengerti
Dia datang dengan gelora taufan mega merah
Dan api sabung menyabung
Lautan, belantara, gunung, jurah dan seluruh
hidupan
Tunduk patah menerima pakulan
Angin Sangkakalakah itu yang sedang menerpa?
Sedang bangsa itu masih diibui cerita
Tentang tanah, tentang emas dan agihannya
Tentang tongkat sitepek dan kail simiskin
Tentang hak dan demokrasi
Gelombang itu datang dan datang jua
Tepuk dan Miskin kini berseloka.

Mana tongkatku

Mana kailku
Mana emas untuk ku Mana hak mana demokrasi?
Lama sudah tanah itu digadai
Oleh citra jalan mudah pada harga murah
Bersama emas di perutnya
Patah sudah tongkat itu
Patah sudah sitali kail
Demokrasi dan hak hanya cerita semalam

Bukankah bangsa itu pernah diajar?

Tiada jalan mudah bagi bangsa berjaya
Kemuliaan, kesejahteraan mesti diisi tangan sendiri
Berdirilah bangsaku
Berdirilah Tanpa emas
Tanpa tongkat
Tanpa kail dan
Tanpa lolongan hak

Berbaris dengan tangan-tangan menjulang langit
Bulatkan tekad berbekal firman:

Langit boleh diterjah dengan kuasa
Tuhan tidak menolong mereka
Bagi mereka yang tidak menolong diri sendiri

Kebebasan keamanan, kemakmuran
Adalah himpunan usaha, keringat dan darah sendiri

Datanglah wahai gelombang
Datanglah engkau berkali-kali Datang engkau dan
pasti tewas jua
Kali ini kami sudah cukup bersedia

Firman "Iqra'- bacalah azimat kami
Datang engkau dan pasti tewas jua
Kali ini kami sudah cukup bersedia

Menghadapi cabaran
Menatang bangsa

(Dibacakan oleh Dr. Mahathir pada Pesta Puisi Patriotik Ke-3 di Putrajaya pada 29 Ogos 2002)

MELAYU MUDAH LUPA
UM 31/10/2003 -

Melayu mudah lupa
Melayu mudah lupa
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya diptiak
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya retak
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya teriak
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya haprak
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya kelas dua
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya hina
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya sengheta
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya derita
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya kerdil
Melayu mudah lupa
Dulu bangsanya terencil
Melayu mudah lupa
Tiada daulat
Tiada maruah
Tiada bebas
Melayu mudah lupa
Melayu mudah lupa
Melayu mudah lupa
~~Sejarah bangsanya yang lena~~

Tanah lahirnya yang merekah
Berdarah
Ingatlah
Ingatlah
Wahai bangsaku
Jangan mudah lupa lagi
Kerana perjuanganmu belum
selesai.

(Dibacakan oleh Dr. Mahathir
pada ucapan pengumuman
Perhimpunan Agung UMNO Ke-
55 di Dewan Merdeka PWTC,
Kuala Lumpur pada 23 Jun 2001)



MAHATHIR sebak ketika membaca puisi
di Malam Puisi Utusan pada 4 May 1996.